

UMP tawar teknologi bina rumah mangsa

UTUSAN MALAYSIA 29 JAN 2015 DALAM NEGERI M/S 24

KUANTAN 28 Jan. - Universiti Malaysia Pahang (UMP) akan bekerjasama dengan pusat zakat negeri untuk menyalurkan sumbangan ke dalam 'Dana Wakaf Rumah Kontena' bagi membina semula rumah penduduk yang musnah dalam banjir baru-baru ini.

Naib Canselor UMP, Prof. Datuk Dr. Daing Nasir Ibrahim berkata, usaha itu dapat membantu mempercepat pembinaan rumah terbahit sekali gus membolehkan penduduk memulihkan kehidupan selepas kehilangan tempat tinggal akibat musibah berkenaan.

"UMP melalui anak syarikatnya, Innovest Sdn. Bhd. mempunyai kepakaran mereka bentuk rumah kediaman menggunakan kontena terpakai dan teknologi prapema-

sangan yang hanya memerlukan masa singkat untuk disiapkan.

"Bagaimanapun kita mempunyai sumber kewangan terhad untuk melaksanakan projek ini, justeru kita akan melaksanakan pembinaanannya sebaik sahaja mempunyai peruntukan secukupnya," katanya kepada pemberita selepas Majlis Sumbangan Mangsa Banjir Media 2015 di Kompleks Penyiaran Sultan Ahmad Shah, di sini hari ini.

Yang turut hadir Pengarah Penyiaran negeri, Zubad Ibrahim dan Pengerusi Kelab Media Pahang, Nik Na'zi Husin.

Seramai 25 pengamal media di negeri ini yang menjadi mangsa banjir menerima sumbangan daripada universiti tersebut pada majlis berkenaan.



Menurut Daing Nasir, UMP tidak menetapkan sasaran jumlah pembinaan rumah dan kawasan tertentu untuk pelaksanaan projek berkenaan.

"Tiada kriteria tertentu ditetapkan bagi individu yang layak menerima bantuan menerusi dana ini. Sebagai contoh, apabila kita mengadakan lawatan untuk menyampaikan bantuan pasca banjir di kawasan yang terjejas banjir, kita akan mengenal pasti rumah penduduk yang musnah dan cuba membina semula," jelasnya.

Katanya, UMP melancarkan dana itu semalam bagi membolehkan syarikat korporat dan individu membantu mangsa banjir di negeri ini membina kembali kediaman mereka yang musnah dalam musibah tersebut.



DAING NASIR IBRAHIM (tengah) menyampaikan sumbangan kepada Nik Na'zi Husin (depan, tiga dari kanan) dalam Majlis Sumbangan Mangsa Banjir Media 2015 di Kompleks Penyiaran Sultan Ahmad Shah, Kuantan, Pahang, semalam.

- UTUSAN/AHMAD ZAKKI JILAN